

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

'Pak Lah hidap demensia sejak mula bersara'

Khairy dedah bekas PM tidak ingat nama sendiri, isteri serta ahli keluarga

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, buat kali pertama mendedahkan, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi, menghidap demensia.

Khairy berkata, Abdullah atau lebih dikenali Pak Lah, yang juga bapa mentuanya, tidak lagi mengenali namanya sendiri, isteri serta ahli keluarga lain.

"Saya ingin berkongsi satu perkara peribadi yang tidak pernah dikongsikan sebelum ini, yang Pak Lah menghidap demensia."

"Beliau mula menunjukkan tanda kemerosotan kognitif (cognitive impairment) sejak pada 2009, selepas beliau bersara daripada jawatan Perdana Menteri."

"Ramai orang tertanya-tanya keberadaannya dar sudah lama tidak melihatnya di tempat umum. Beliau kini terpaksa duduk atas kerusi roda, umpama mempunyai kehadiran fizikal dan fikiran yang tiada," katanya.

Beliau berkongsi perkembangan Pak Lah itu pada Majlis Pelancaran Panduan Amalan Klinikal (CPG) Pengurusan Demensia (Edisi Ketiga) dan Pengurusan Schizophrenia (Edisi Kedua), di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengerah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah; Presiden Persatuan Psikiatri Malaysia, Dr Hazli Zakaria dan Pengerusi Kumpulan Pembangunan Panduan Amalan Klinikal (CPG) merang-



Khairy melawat pameran selepas Majlis Pelancaran Panduan Amalan Klinikal Pengurusan Demensia (Edisi Ketiga) dan Pengurusan Schizophrenia (Edisi Kedua) di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Alzuddin Saad/BH)

kap Pakar Psikiatri Geriatrik Hospital Kuala Lumpur, Dr Chan Yee Fal.

ADAPTA PERSEKUTUAN KEHAYATI

Khairy menjelaskan, pendedahan mengenai penyakit dihidapi bapa mentuanya itu dibuat selepas mendapat persetujuan daripada keluarganya.

"Bagi pesakit demensia, pengurusan penjagaan paling mencabar. Saya melihat bagaimana ibu mentua, Auntie Jean, melalui situasi sukar kerana demensia bukan satu penyakit, tetapi memerlukan penjagaan rapi 24 jam."

"Lebih banyak hari yang sukar berbanding hari yang lancar. Jadi, doakan beliau dan kami, berharap untuk hari yang lebih baik akan datang," katanya yang yakin bapa mentuanya masih mengenalinya apabila beliau melawatnya.

Berkongsi pengalaman, Khairy berkata, pesakit demensia memerlukan penjagaan berterusan sepanjang masa bagi memasti-

kan keselamatan terpelihara. "Justeru, kami menyediakan jururawat profesional untuk bersamanya 24 jam. Kami agak bernasib baik kerana mampu berbuat demikian, bayangkan orang yang tidak mampu."

"Demensia tidak boleh didiskriminasi. Bayangkan orang yang tidak mempunyai akses kepada penjagaan, yang tidak mampu, tetapi mereka perlu menjaganya kerana ahli keluarga," katanya.

Berikutan itu, beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) akan menubuhkan satu jawatankuasa bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, bagi mengkaji peningkatan penjagaan sosial pada peringkat komuniti dapat dilakukan, termasuk bagi penghidap demensia.

Beliau berkata, langkah itu memerlukan peruntukan tambahan, terutama bagi membantu keluarga yang tidak mampu mengajikan jururawat untuk

bersama ahli keluarga yang menghidap demensia.

"Negara memerlukan pelaburan, bukan hanya dalam bidang klinikal dengan menambah pakar dalam bidang itu, tetapi sokongan yang boleh diberi di peringkat pemulihan, terutama bagi membantu ahli keluarga," katanya.

Pada masa sama, katanya, KKM juga mempelajari amalan penjagaan sosial dari negara luar seperti United Kingdom (UK), yang maju dalam bidang berkenaan.

"Mereka boleh hantar pekerja sosial mereka untuk menjaga ahli keluarga, memberi sokongan kepada pesakit yang menghidap demensia dan masalah yang menyebabkan mereka tidak dapat berfungsi dengan normal," katanya.

Beliau berkata, isu kesihatan mental di negara ini juga meningkat disebabkan trend menua berikutan peningkatan usia rakyat Malaysia.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

BENDUNG REMAJA MEROKOK 'Sokong akta baharu, bukan tugas KKM saja'

Kuala Lumpur: Akta baharu bagi melarang aktiviti merokok terhadap generasi muda yang lahir pada dan selepas 2007, perlu mendapat sokongan semua pihak dan tidak hanya tanggungjawab Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semata-mata.

Memberikan contoh, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Senator Datuk Seri Ti Tjin Ker berkata, di kementerianya fokus bukan saja untuk mengasah dan mengasah belia untuk memiliki ciri-ciri kepimpinan.

Sebaliknya, beliau berkata, tumpuan juga diberikan dalam mendidik penerus jengsi masa depan negara dengan sikap dan disiplin tinggi termasuk aspek penjagaan kesihatan, seperti menanamkan kesedaran bahawa merokok membahayakan negara dan diri.

"Jika berterusan dengan budaya merokok, ia akan membahayakan negara. Masalah ini bukan saja tanggungjawab KKM, kerana KKM lebih kepada merawat dan membendung penyakit.

"Tetapi, kesedaran pendidikan dan (melahirkan) aktivis anti rokok perlu dimulakan daripada umur yang awal. Isu merokok antara isu utama yang menjadi perhatian Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

"Berdasarkan Tinjauan Morbiditi Kebangsaan 2019, dianggarkan lima juta perokok di Malaysia yang mana 12.3 peratus yang merokok berumur 5 hingga 19; 20 hingga 24 tahun (25.5 peratus); 25 hingga 29 tahun (24.7 peratus); 30 hingga 34 tahun (27.1 peratus); dan 35 hingga 39 tahun (24 peratus). Pada hari ini tiga tahun kemudian, saya rasa keadaan lebih teruk," katanya, semalam.

Pada 27 Julai lalu, KKM membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok di Parlimen yang



'Jika berterusan dengan budaya merokok, ia akan membahayakan negara. Masalah ini bukan saja tanggungjawab KKM kerana KKM lebih kepada merawat dan membendung penyakit'

Ti Tjin Ker

mengemukakan cadangan pelaksanaan dasar generasi penamat atau *Generational End Game* (GEG) yang menggarang individu dilahirkan selepas 2007 untuk memiliki, membeli mahupun merokok termasuk penggunaan vape.

GEG menerusi penguatkuasaan Akta Produk Tembakau dan Merokok 2022 yang diisytiharkan sejak lebih sedekad lalu pada masa ini, sedang dikupas oleh ahli Dewan Rakyat dan persetujuan majoriti mereka diperlukan untuk pelaksanaannya demi menyelamatkan dua juta nyawa rakyat menjelang 2040.

Jika diujjarkan, Malaysia bakal melakar sejarah dengan melahirkan generasi penamat melalui strategi GEG yang melarang individu yang lahir pada dan selepas 2007 merokok, membeli atau memiliki produk tembakau atau peranti merokok.

Mengulas lanjut, Ti berkata, sudah tiba masanya negara memerlukan satu akta fokus dan khusus kerana kemudahan merokok semakin buruk dan tidak semakin baik.

"Pengurusan tembakau, produk yang berkaitan memerlukan satu pengurusan melalui akta yang lebih spesifik dan fokus. KBS secara semulagatnya dengan niat ikhlas menyokong supaya akta diadakan untuk mengurus defigan lebih ketat lagi produk itu," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 22

RUANGAN : LOKAL

Selangor rekod kes jangkitan tertinggi

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,971 kes baharu Covid-19 direkodkan di negara ini kelmarin, menurun berbanding 1,990 kes Jumaat lalu.

Menurut laman web covid19.moh.gov.my, tujuh daripada keseluruhan kes harian yang dilaporkan itu adalah kes import.

"Sebanyak 2,389 kes sembuh dilaporkan dan 26,949 kes aktif dikesan."

"Selangor merekodkan

kes jangkitan tertinggi membabitkan 590 kes diikuti Kuala Lumpur (371), Perak (188), Sabah (160), Pulau Pinang (102), Melaka (91) dan Sarawak (85)," ujara kenyataan itu.

Manakala, Negeri Sembilan merekodkan 75 kes, Johor (73 kes), Kedah (63 kes), Kelantan (45 kes), Pahang (42 kes), Terengganu (24 kes), Perlis (20 kes) dan empat kes di Wilayah Persekutuan Labuan.

Oleh Mahani Ishak
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin buat pertama kali mendedahkan bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi menghidap demensia.

Mendedahkan perkara itu Khairy mengatakan Abdullah atau lebih dikenali Pak Lah yang juga bapa mentuanya juga tidak mengingati namanya, isteri serta ahli keluarga lain.

"Saya ingin berkongsi satu perkara peribadi yang tidak pernah dikongsiakan sebelum ini yang Pak Lah menghidap demensia.

"Beliau mula menunjukkan tanda kemerosotan kognitif (*cognitive impairment*) sejak 2009 selepas beliau bersara daripada jawatan perdana menteri.

"Ramai orang tertanya-tanya keberadaan mereka berikutan sudah lama tidak melihatnya di khalayak ramai. Beliau kini terpaksa duduk atas kerusi roda, tidak lagi dapat bercakap, umpama beliau mempunyai kehadiran fizikal, tetapi fikirannya tiada," katanya pada Majlis Pelancaran Panduan Amalan Klinikal (CPG) Pengurusan Demensia (Edisi Ketiga) dan Pengurusan Schizophrenia (Edisi Kedua) di Sheraton Imperial di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, Presiden Persatuan Psikiatri Malaysia, Dr Hadzi Zakaria dan Pengerusi Kumpulan Pembangunan Panduan Amalan Klinikal (CPG) merangkap Pakar Psikiatri Geriatrik Hospital Kuala Lumpur, Dr Chan Yee Pal.

Khairy menjelaskan bapa mentuanya tidak lagi berkeadaan biasa termasuk tidak lagi mampu bercakap serta tidak mengenali orang

'Lebih banyak hari yang sukar'

Khairy dedah Pak Lah menderita demensia

terdekatnya.

"Saya tahu beliau masih mengenali saya apabila melihatnya mengerdipkan mata apabila saya melawatnya.

"Lebih banyak hari yang sukar berbanding hari yang lancar. Jadi doakan beliau dan kami berharap untuk hari yang lebih baik akan datang," katanya.

Pada 15 November tahun lalu, Pejabat Tun Abdullah Ahmad Badawi menaikan penuluran berita bekas Perdana Menteri kelima itu meninggal dunia.

Beliau berkata, pendedahan mengenai penyakit dihidapi Pak Lah itu dibuat selepas mendapat persetujuan daripada keluarga.

"Bagi pesakit demensia, pengurusan penjagaan adalah paling mencabar. Saya melihat bagaimana ibu mentua, *amie Jean* melalui situasi sukar kerana demensia bukan satu penyakit, tetapi memerlukan penjagaan rapi 24 jam," katanya.

Menurutnya, selepas beberapa tempoh, pesakit memerlukan penjagaan berterusan sepanjang masa bagi memastikan keselamatannya terpelihara.

Justeru, kami menyediakannya jurawat profesional untuk bersamanya 24 jam. Kami agak bernasib baik kerana

mampu berbuat demikian, bayangkan orang yang tidak mampu berbuat demikian.

"Demensia tidak boleh didiskriminasi. Bayangkan orang yang tidak mempunyai akses kepada penjagaan yang ti-



Ramai orang tertanya-tanya keberadaannya berikutan sudah lama tidak melihatnya di khalayak ramai. Beliau kini terpaksa duduk atas kerusi roda, tidak lagi dapat bercakap, umpama beliau mempunyai kehadiran fizikal tetapi fikirannya tiada"

Khairy Jamaluddin

tidak mampu tetapi mereka perlu menjaganya kerana ahli keluarga," katanya.

"Dalam pada itu, adalah penting untuk merealisasikan hasrat menjayakan Kertas Putih Kesihatan supaya dapat memastikan sistem kesihatan di negara ini lebih mampan dan berdaya tahan melalui pemikiran kerajaan dan masyarakat.

"Ini kerana dalam usaha itu (kertas putih) ia ada merangkumi mengenai agenda memperkasakan dan pelaburan dalam penjagaan komuniti yang lebih baik serta penjagaan rumah di sendiri atau perkhidmatan perawat domisili."

"Saya rasa ini adalah masalahnya bahawa kita memerlukan kertas putih penjagaan kesihatan bagi menyediakan komuniti yang lebih baik, termasuk akses lebih untuk pesakit mental," katanya.



TUN Abdullah Ahmad Badawi

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT :

RUANGAN :

KKM syor majikan beri cuti khas pekerja jalani saringan kesihatan

REMBAU - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mencadangkan kepada majikan supaya memberi cuti khas sehari kepada pekerja mereka untuk menjalani saringan kesihatan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, ia berikutan golongan ini (pekerja) terpaksa mengambil cuti daripada jumlah yang dibenarkan sebelum ini untuk tujuan tersebut.

"Saya mohon majikan memberikan cuti tambahan untuk saringan kesihatan sehari setahun kepada pekerja.

"Kalau tidak mereka mungkin tiada masa. Waktu bekerja tak boleh pergi, hari minggu sibuk dengan anak-anak dan keluarga. Akhirnya mereka tak dapat buat saringan kesihatan," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Program Merdeka @ Parlimen Rembau di Balai

Raya Kampung Seri Kendong di sini pada Ahad.

Khairy berkata, cadangan itu akan dibincangkan dalam Belanjawan 2023.

Pada Julai lalu, Khairy dilaporkan berkata, kesedaran rakyat mengenai kepentingan saringan kesihatan masih lagi rendah.

Menurut beliau, 53 peratus rakyat Malaysia tidak menyaring kesihatan sejak setahun lalu.



Khairy ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang pada Program Merdeka@Parlimen Rembau pada Ahad.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NASIONAL

Pak Lah hidap penyakit demensia

Bekas PM kelima itu sukar mengingati sesiapa

Oleh FARAH SHAZWANI ALI SHAH ALAM

Bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi atau Pak Lah kini menderita penyakit demensia yang menyebabkan kesihatannya semakin merosot dari sukar mengingati sesiapa termasuk ahli keluarga terdekat. Perkara itu didedahkan Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin Abi Bakar yang juga menantunya tentang perkembangan negarawan tersebut. Menurut Khairy, adalah sesuatu yang mencabar untuk ahli keluarga melihat situasi Abdullah apabila berdepan kemerosotan dalam fungsi kognitifnya.

Ada yang sadar tetapi ramai yang tidak. Keluarga memutuskan untuk berkongsi perkara ini secara terbuka, sebahagiannya untuk memberi penerangan tentang demensia dan kemerosotan kognitif, katanya dalam satu diapan di Twitter pada Ahad.

Sebelum ini, *Astro Awani* melaporkan tubuh badan Pak Lah yang berusia 82 tahun itu tidak



Abdullah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO pada 25 Ogos 2005. Turut serta, Datuk Seri Najib Tun Razak (kiri).



Abdullah ditemani isteri, Tun Jeanne Abdullah di Taman Ekspo Pertanian Malaysia baru-baru ini.

berfungsi seperti sedia kala sehingga sampai ke tahap tubuhnya ada tetapi bukan mindanya.

Khairy berkata demikian sewaktu merasmikan Konferens Perubatan Psikologi Malaysia 2022 di ibu negara pada Ahad. Jelas beliau, sejak bersara pada 2009, Abdullah tidak kelihatan di mana-mana kerana mempunyai demensia.

Demensia itu satu situasi yang sangat kejam kerana tubuhnya ada, mindanya tiada.

Saya lihat (kesihatan) bapa mertua saya merosot ke tahap beliau tidak lagi berfungsi secara normal. Beliau tidak ingat nama saya, tidak ingat nama isteri saya.

Keluarga saya mungkin mampu mendapatkan sokongan perubatan profesional untuk Pak

Lah, tetapi situasi yang sama mungkin sukar diakses oleh sebahagian besar keluarga pesakit demensia di negara ini, katanya yang turut melancarkan Garis Panduan Klinikal untuk Pengurusan Demensia (Edisi Ketiga) dan Pengurusan Skizofrenia (Edisi Kedua).

Jelas Khairy, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang merangka Kertas Putih Kesihatan merangkumi usaha pemerkasaan dan pelaburan bagi memastikan komuniti mendapat akses penjagaan di rumah.

Itu mungkin permulaan bagi rakyat Malaysia yang menderita akibat keadaan ini. Saya berharap dalam proses mendraf kertas putih dan proses struktur bajet (2023) KKM, kami dapat

menzahirkan kes yang kukuh supaya sektor penjagaan kesihatan dapat lebih banyak dana.


Itu adalah sesuatu yang amat penting supaya petugas kesihatan dapat bersama-sama dengan petugas sosial, ujar beliau.

Abdullah yang merupakan Perdana Menteri Malaysia kelima melepaskan jawatan pada 1 September 2009 sebelum dilantik sebagai Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia dari 1 September 2015 hingga 31 Ogos 2018.

Bekas Presiden UMNO ke-9 ini memegang beberapa jawatan tinggi dalam kerajaan antaranya Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada Januari 1999 dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (1981-1984).

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : NATION/NEWS

Health Minister Khairy Jamaluddin visiting an exhibition after the launch of the 2022 Malaysian Conference of Psychological Medicine and Clinical Practice Guidelines on Management of Dementia (Third Edition) and Management of Schizophrenia (Second Edition) in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY AIZUDDIN SAAD



Khairy: Pak Lah is suffering from dementia

KUALA LUMPUR: Khairy Jamaluddin has for the first time revealed that his father-in-law, Tun Abdullah Ahmad Badawi, is suffering from dementia and does not remember his family members any more.

The health minister said Abdullah, 82, better known as Pak Lah, started showing signs of cognitive impairment shortly after retiring as prime minister in 2009. His condition has progressively worsened.

He said Pak Lah's condition had declined to the point he had difficulty speaking, what more to say their names.

"I have never shared this before. Many ask, where is Pak Lah? He has dementia and that is why you do not see him in public any more. It is a cruel condition. The body is there, but the mind is not. He is wheelchair-bound.

Khairy said prior to his decision to talk about Pak Lah's condition, he had asked his wife, Nori Abdullah, and his mother-in-law, Tun Jeanne Abdullah, if it was okay to tell people about it. He said some people knew about his condition.

"He cannot function normally any more. He does not remember my name, my wife's name. The only reason I know he recognises me is through the flicker in his eye when I visit him.

He said Pak Lah's condition had declined to the point he had difficulty speaking, what more to say their names.

"There are more bad days than good. So have him in your prayers and we hope for better days ahead," said Khairy at the launch of the Malaysian Conference of Psychological Medicine and Clinical Practice Guidelines on Man-

agement of Dementia (Third Edition) and Management of Schizophrenia (Second Edition) yesterday.

Khairy said prior to his decision to talk about Pak Lah's condition, he had asked his wife, Nori Abdullah, and his mother-in-law, Tun Jeanne Abdullah, if it was okay to tell people about it. He said some people knew about his condition.

He said Pak Lah's condition had declined to the point he had difficulty speaking, what more to say their names.

"For us, of course, the management of his care is challenging. I see how my mother-in-law Auntie Jean struggles because dementia is not just about the patient, but crucially the caregiver, as it is very difficult for them.

"Now it is to the extent that he is in a wheelchair. It is difficult. There are good days, but increasingly, there are more bad days.

"When dementia patients deteriorate, family members can help, but after a while, it gets difficult as they need round-the-clock care. We are fortunate that we can get professional caregivers."

DOMICILIARY CARE SERVICES

AIDING THOSE AT HOME WITH MENTAL ILLNESS

Health White Paper will cover social care services for them, says Khairy

community care for patients who have mental illnesses like dementia.

"In the United Kingdom, under the National Health Service, there are all sorts of domiciliary care services such as laundry and food delivery for people with dementia or other mental health illnesses.

On a separate matter, Khairy said the paper on the decriminalisation of suicide was at the final stages in the Attorney-General's Chambers. It would then be taken to the cabinet.

"It is time that we pivot, not only just on clinical care, but also towards providing services to the community. This is the bare minimum we can do for Malaysians suffering from this condition.

He said decriminalising suicide should not be seen as a silver bullet, but as a statement of intent acknowledging that it is not a crime, but a mental issue.

"I hope in the course of drafting the HWP and structuring the ministry's budget, we are able to make a strong case for social care services to be given additional funds so that we can provide more services," Khairy said after launching the 2022 Malaysian Conference of Psychological Medicine and Clinical Practice Guidelines on Management of Dementia (Third Edition) and Management of Schizophrenia (Second Edition).

On politics, Khairy maintained that he was told not to defend the Rembau parliamentary seat so that Umno deputy president Datuk Seri Mohamad Hasan could stand there in the 15th General Election.

Mohamad had, on Saturday, denied that he wanted Khairy's seat, saying he had not decided where to contest.

"I have said what I needed to say in response to his statement. It was the truth and I do not want to have to prove it," Khairy said. "I will not have this conversation in public any more. Let me settle this behind closed doors now."

DWAN CHAN
 KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my

EMPowerment of and investments in domiciliary community care will feature in the Health White Paper (HWP).

Health Minister Khairy Jamaluddin said not everyone could afford private professional services to care for family members who are unwell, or wanted to put their loved ones in a care home.

"They still want them around and there is nothing wrong with that. In this HWP, going forward, we will fight for better commu-



Former prime minister Tun Abdullah Ahmad Badawi (right) speaking to students at the launch of the TRG Edu Centre in Politeknik Ungku Omar, Ipoh, on Feb 20, 2018. FILE PIC

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Youth and Sports Ministry supports anti-smoking Bill

KUALA LUMPUR: The Youth and Sports Ministry (YSM) has expressed support for the Tobacco and Smoking Products Control Bill, 2022, to prohibit smoking among the younger generation born on and after Jan

1, 2007 in building a healthier Keluarga Malaysia.

Deputy Youth and Sports Minister Datuk Seri Ti Lian Ker said his ministry had allocated RM100,000 for organising activities to foster and raise

awareness of the dangers of smoking.

"It is the responsibility of YSM not only to mould youth to become leaders but also to nurture them to have discipline and awareness that smoking

burdens themselves and the country, in terms of diseases and so on.

"YSM, in spirit and in depth, supports that the act be enacted to more strictly manage tobacco products," he said during the

Generational Endgame Anti-Smoking Run yesterday.

On July 27, the Bill, known as the generational endgame to smoking, was tabled for the first reading in the Dewan Rakyat. Bernama